

## **FAKTOR KEJAYAAN INDIVIDU KETIDAKUPAYAAN PENGLIHATAN MENGHAFAZ AL-QURAN**

Success Factors of Individuals With Visual Impairment in Memorizing The Qur'an

<sup>1</sup>Hajarul Bahti Zakaria, PhD & <sup>2</sup>Norshidah Mohd Salleh, PhD

<sup>1</sup>Institut Pendidikan Guru Kampus Ilmu Khas

<sup>2</sup>Universiti Kebangsaan Malaysia,  
e-mel: <sup>1</sup>hajarul@ipgkik.edu.my

### **ABSTRAK**

*Pendidikan tahfiz adalah bidang pengajian yang semakin mendapat perhatian di Malaysia. Individu ketidakupayaan penglihatan (IKP) juga tidak terkecuali terlibat sama menceburkan diri dalam bidang ini. Kajian ini dihasilkan kerana kekaguman terhadap kejayaan mereka menghafaz al-Quran. Walaupun menghadapi kekangan ketidakupayaan penglihatan berbanding individu tipikal, tetapi tetap ada segolongan dalam kalangan mereka yang berjaya menghafaz 30 juzuk al-Quran dengan baik. Artikel ini adalah satu tinjauan untuk meneroka faktor kejayaan individu ketidakupayaan penglihatan menghafaz al-Quran di Malaysia. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif kaedah kajian kes, jenis kes tunggal yang melibatkan tiga orang peserta kajian individu ketidakupayaan penglihatan yang telah berjaya menamatkan hafazan 30 juzuk al-Quran. Kajian ini menggunakan temu bual separa struktur sebagai kaedah pengumpulan data utama. Hasil temu bual mendapati terdapat beberapa faktor yang mendorong IKP berjaya menamatkan hafazan al-Quran dengan sempurna, antaranya ialah sikap diri sendiri, ibu bapa, dan juga persekitaran yang memberikan pelbagai khidmat sokongan sepenuhnya sehingga mereka berjaya. Implikasi kajian ini menunjukkan terdapat keperluan menyediakan satu pelan kecemerlangan hafazan untuk IKP. Cadangan pelan kecemerlangan tersebut ialah pelan kecemerlangan diri IKP, pelan kecemerlangan ibu bapa IKP, pelan kecemerlangan guru hafazan IKP, pelan kecemerlangan persekitaran hafazan IKP, dan pelan kecemerlangan penyediaan khidmat sokongan untuk menghafaz al-Qur'an kepada IKP. Dapatan kajian ini diharap dapat dijadikan panduan untuk melahirkan lebih ramai huffaz dalam kalangan individu ketidakupayaan penglihatan.*

Kata kunci: pendidikan tahfiz, individu ketidakupayaan penglihatan, kejayaan, hafazan al-Quran

### **ABSTRACT**

*Tahfiz education is a field of study that is gaining attention in Malaysia. Individuals with visual impairments (IVI) are also no exception to be equally involved into this field. This study was produced out of admiration for their success in memorizing the Quran. Despite facing the constraints of visual impairment compared to typical individuals, but there are still a group of them who managed to memorize 30 verses of the Qur'an well. This article is a survey to explore the success factors of IVI memorizing the Quran in Malaysia. This study uses a qualitative approach of case study method, a type of singlecase involving three individual study participants of visual impairment who have successfully completed memorization of 30 verses of the Quran. This study uses semi-structured interviews as the main data collection method. The results of the interviews found that there are several factors that motivate individuals with visual impairment to successfully complete memorization of the Qur'an, including the attitude of themselves and parent, as well as the environment that provide various services, full support until they succeed. The implications of this study indicate that there is dire need to prepare an excellent memorisation plan for IVI. The proposed excellent memorisation plan will consist of the IVI self-excellence plan, IVI parents' excellence plan, the IVI teachers' excellence memorisation plan, memorization environment excellence plan for IVI, and the provision of support*

*services excellence plan for memorisation of the Qur'an by the IVIs. It is hoped that the findings of this study can be used as a guide to produce more huffaz among individuals with visual impairment.*

Keywords: tahfiz education, visually impaired individuals, success, memorizing the Quran

## PENGENALAN

Individu ketidakupayaan penglihatan adalah individu yang diperakukan oleh pengamal perubatan dan ahli optik sebagai individu yang mempunyai ketidakupayaan penglihatan [Peraturan-Peraturan Pendidikan (Pendidikan Khas), 2013]. Gargiulo (2008) mendefinisikan ketidakupayaan penglihatan adalah merujuk kecacatan atau ketidakupayaan yang ketara kepada deria penglihatan walaupun individu tersebut telah menggunakan alat bantu penglihatan seperti cermin mata, kanta pembetulan (*correction lenses*), kanta sentuh atau alat-alat optik yang lain, dan masalah penglihatan ini akan menyukarkan mereka dalam proses pembelajaran. Manakala definisi dalam konteks pendidikan khas, adalah mereka yang kurang upaya penglihatan, belajar melalui kaedah tektual, auditori dan pengalaman estetik tanpa memerlukan daya penglihatan (Nur Khairul Nisha & Haris, 2017). Walau bagaimanapun, kesukaran Individu Ketidakupayaan Penglihatan (IKP) dalam pembelajaran dapat diminimumkan jika dilakukan penyesuaian secara individu kepada amalan pengajaran dan bahan-bahan pembelajaran. Walaupun tahap penglihatan antara mereka mungkin berbeza, tetapi proses penyesuaian dalam amalan pengajaran dan bahan-bahan pembelajaran akan dapat membantu mereka belajar dengan lebih berkesan (Dursin, 2012).

Kejayaan akademik IKP dipengaruhi oleh kebijaksanaan dan kekreatifan guru melaksanakan pengajaran. Ini dapat direalisasikan melalui pemilihan gaya pengajaran, bahan pengajaran, dan matlamat pendidikan yang bersesuaian dengan keperluan murid ketidakupayaan penglihatan (Norshidah, Manisah & Khalim, 2018). Ibu bapa dan guru adalah individu terdekat yang bertanggungjawab memastikan murid ketidakupayaan penglihatan dapat mengikuti pembelajaran dengan baik. Jika diberi peluang serta menerima asuhan dan didikan yang sesuai dengan keperluan, perkembangan sosial, emosi, linguistik, dan kognitif kanak-kanak tersebut dapat dipupuk dan berkembang sebaiknya, mereka boleh berjaya dengan cemerlang walaupun terdapat pelbagai kekangan disebabkan ketidakupayaan penglihatan yang dimiliki (Emmanuel, Caroline & Ruth, 2018).

IKP di Malaysia juga berpeluang mengikuti sistem pendidikan bermula dari peringkat sekolah rendah, sekolah menengah sehingga ke institusi pengajian tinggi sama ada Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) ataupun Institusi Pengajian Tinggi Swasta (IPTS) (Nur Khairul Nisha & Haris, 2017) sama sebagaimana individu tipikal. Kerajaan menyediakan beberapa program untuk golongan ini, antaranya ialah Program Pendidikan Khas, Program Integrasi dan Program Pemulihan Dalam Komuniti (PDK). Program pendidikan khas yang dilaksanakan bagi murid ketidakupayaan penglihatan di negara ini adalah sebahagian daripada Dasar Pendidikan Kebangsaan. Amalan ini menunjukkan bahawa hak dan peluang IKP dalam menyertai sistem pendidikan formal di Malaysia tidak diabaikan (Jabatan Pendidikan Khas, 2000).

Selain daripada memberi tumpuan kepada pelajar ketidakupayaan penglihatan, Dasar Pendidikan Kebangsaan juga memberi tumpuan kepada Dasar Pendidikan Tahfiz Negara (DPTN). Pendidikan aliran Tahfiz adalah antara aliran pendidikan yang semakin mendapat tempat dalam kalangan rakyat Malaysia masa kini (Norlizah, Fathiyah, Ahmad Fauzi, Lukman & Wan Marzuki, 2017). Hafazan al-Quran merupakan amalan kerohanian yang memperkasakan aspek mental, jiwa dan intelektual. Proses menghafaz al-Quran ini adalah adunan ilmu al-Quran dan akademik secara bersepadu bagi melahirkan pelajar yang berkualiti dan holistik serta berkemampuan untuk mendepani cabaran dunia masa kini. Bagi mendepani dunia pendidikan yang semakin maju dan mencabar, kerajaan telah mensasarkan untuk melahirkan seramai 125 000 huffaz profesional dalam pelbagai bidang menjelang 2050 melalui agenda Transformasi Nasional 50 (TN50) (Anis Syahirah & Sabri, 2017). Sasaran ini tidak mengecualikan individu ketidakupayaan penglihatan. Kekurangan dan keterbatasan

pancaindera mereka tidak sesekali membataskan kehidupan seharian mereka. Sebagai seorang manusia, tuntutan mempelajari dan mentadabbur al-Quran juga diwajibkan ke atas mereka sebagaimana golongan tipikal (Siti Nor Azimah, Tengku Intan Zarina, Mohd Ridhuan, Zulkifli, Shafiza, 2016). Sehingga akhirnya melahirkan ramai hafiz al-Quran dalam kalangan individu ketidakupayaan penglihatan di negara ini.

Tinjauan literatur mendapati kanak-kanak ketidakupayaan penglihatan mempunyai kebolehan kognitif yang sama dengan kanak-kanak tipikal, tetapi perkembangan kognitif mereka mungkin mengalami sedikit kelewatan kerana kekangan penglihatan (Frederickson & Cline, 2009). Walau bagaimanapun, kekangan tersebut bukan menjadi faktor utama kelemahan mereka, kerana terdapat faktor-faktor lain yang menyebabkan seseorang individu kurang menguasai sesuatu kemahiran, seperti amalan pembelajaran (Azmil, Misnan, Ab. Halim & Mohd Aderi, 2014), sikap individu sendiri (Abdul Hakim, Ab. Aziz & Wan Ismail, 2015) dan juga faktor persekitaran yang mempengaruhi pencapaian mereka (Norhasni, Azahari & Andi, 2015). IKP juga didapati kurang menguasai bacaan al-Quran kerana faktor amalan pembelajaran, sikap dan persekitaran (Hajarul Bahti, 2016). Walau bagaimanapun, ada juga dalam kalangan IKP yang mampu menunjukkan kekuatan diri dengan mencapai kejayaan yang setara dalam akademik seperti individu tipikal. Hal ini tidak terkecuali dalam penguasaan hafazan al-Qur'an, terdapat individu ketidakupayaan penglihatan yang telah berjaya menghafaz al-Quran sebanyak 30 juzuk dengan cemerlang, seterusnya mereka berjaya melanjutkan pelajaran ke peringkat pengajian tinggi selepas menamatkan hafazan 30 juzuk al-Quran (Siti Nor Azimah et. al., 2016). Menjadi seorang menghafaz al-Quran bukanlah suatu perkara yang mudah kepada golongan tipikal, apatah lagi golongan ketidakupayaan penglihatan. Walau bagaimanapun, dalam kekangan yang ada untuk mempelajari al-Quran, tetapi masih terdapat juga pelajar ketidakupayaan penglihatan yang menunjukkan kejayaan dalam menghafaz al-Quran.

Kecemerlangan yang dicapai oleh individu ketidakupayaan penglihatan bergantung kepada banyak faktor seperti tahap kecerdasan individu, tahap kehilangan penglihatan, dan umur semasa didiagnosis mengalami masalah penglihatan, faktor-faktor keluarga seperti tahap sosioekonomi (Sumyeya, Jiuyong, Lin Liu, Esmaeil, Shane & Murray, 2019), persekitaran keluarga (Wei Wei, Hong & Ying Su, 2020), penglibatan ibu bapa dalam pendidikan anak-anak (Mohd Fazli, Suhaida & Soaib, 2013) dan khidmat sokongan yang diterima juga membantu seseorang itu berjaya (Stacy, Kelly, Paul, Karen & Wolffe, 2015). Berlandaskan kajian-kajian yang telah dibuat, pengkaji cuba meneroka apakah faktor kejayaan individu ketidakupayaan penglihatan menghafaz al-Quran. Ini kerana di sebalik kekangan penglihatan yang ada, mereka ini masih mampu dan berjaya menghafaz 30 juzuk al-Quran dengan baik. Oleh itu, kajian ini dibuat untuk meneroka faktor-faktor yang menjadi penyebab mereka mencapai kejayaan menghafaz 30 juzuk al-Quran.

## TINJAUAN LITERATUR

Menurut al-Sharbini, menghafaz al-Quran adalah fardu kifayah dan termasuk dalam suatu usaha untuk melengkapkan pengetahuan agama daripada ilmu-ilmu *syara'*. Imam al-Nawawi menambah, bahawa orang yang melaksanakan fardu kifayah adalah lebih istimewa daripada orang yang menunaikan tanggungjawab fardu 'Ain kerana telah melepaskan bebanan yang ditanggung oleh masyarakat. Selain itu, orang-orang yang menghafaz al-Quran ini juga digelar "*Hamlah al-Quran*" iaitu orang yang mampu memahami makna ayat-ayat al-Quran, mengetahui hukum hakam di dalamnya dan mengamalkan isi kandungannya (Ismail, 1993). Kemuliaan ini adalah satu amanah dari Allah s.w.t. ke atas mereka untuk bertanggungjawab terhadap penjagaan hafazan (Mohd Fazri, 1999). Cita-cita menjadi seorang yang dapat menghafaz al-Quran sepatutnya menjadi impian setiap umat Islam kerana pelbagai keutamaan dan kelebihan yang akan diperolehi sama ada di dunia ataupun akhirat sebagaimana firman Allah s.w.t. dalam Surah Fatir:

Maksudnya:

*“Sesungguhnya orang-orang yang selalu membaca Kitab Allah s.w.t. dan tetap mendirikan sembahyang serta mendermakan daripada apa yang Kami kurniakan kepada mereka secara tersembunyi atau secara terang-terangan, mereka (dengan amalan yang demikian) mengharapkan sejenis perniagaan yang tidak akan mengalami kerugian. Supaya Allah s.w.t. menyempurnakan pahala mereka dan menambahi mereka dari limpah kurniaNya. Sesungguhnya Allah s.w.t. Maha Pengampun, lagi sentiasa membalas dengan sebaik-baiknya (akan orang-orang yang bersyukur kepada-Nya)”*

Surah Fatir (35): 29 – 30

Gelaran sebagai huffaz bukanlah satu perkara yang boleh dibanggakan kerana adalah satu amanah daripada Allah s.w.t. Oleh itu, terdapat pelbagai cabaran sepanjang perjalanan menuju cita-cita yang mulia ini. Imej sendiri yang positif daripada individu sendiri adalah antara punca kejayaan dicapai. Individu kurang upaya dewasa yang telah berjaya, juga mendapati bahawa kejayaan bergantung kepada motivasi instrinsik individu tersebut sendiri (Luckner & Velaski, 2004). Mereka mempunyai motivasi yang teguh untuk bersaing dengan orang lain. Mereka juga berjaya kerana mampu menyokong diri sendiri. Melalui kemahiran sokongan sendiri ini individu kurang upaya belajar untuk melibatkan diri secara aktif dalam mengenal pasti dan memenuhi keperluan pendidikan, sosial, emosi, dan matlamat kerjaya mereka.

Selain daripada itu, sokongan-sokongan daripada individu di sekeliling mampu membantu merealisasikan perkara ini. Menurut Melvin dan Shahlan (2020), bimbingan dan galakan yang berterusan daripada ibu bapa dan individu di sekeliling dapat membantu seseorang pelajar mencapai kejayaan. Semakin kuat dorongan dan sokongan ibu bapa, semakin meningkat prestasi akademik pelajar dan sebaliknya. Hal ini bukan hanya berlaku kepada individu tipikal, malah juga melibatkan individu ketidakupayaan penglihatan. Dengan kekangan penglihatan yang ada pada mereka, individu ketidakupayaan penglihatan juga memerlukan khidmat sokongan daripada persekitaran sosial untuk meningkatkan kualiti hidup mereka (Roslinda, Nor Aziah, Abu Bakar, Halimatun, & Azman, 2013).

Keluarga adalah satu struktur yang menyeluruh terdiri daripada unsur-unsur saling bergantung yang mempengaruhi fungsi keluarga secara keseluruhan (Shaffer, 2002). Pengalaman awal hidup dalam keluarga adalah penting dan dapat mempengaruhi pembangunan dan corak tingkah laku kanak-kanak (Bowlby, 1969). Kanak-kanak yang mengalami ketidakupayaan sangat memerlukan bukan sahaja kasih sayang daripada keluarga mereka, tetapi lebih penting lagi mereka memerlukan penjagaan dan perlindungan dari segi sokongan fizikal, emosi dan psikososial. Kanak-kanak kurang upaya biasanya mempunyai kebolehan terhad dan selalu diasingkan daripada persekitaran mereka. Sistem penjagaan afektif dalam keluarga ini menekankan perhubungan keluarga yang berteraskan kasih sayang, penjagaan dan penyatuan (Aizan Sofia, Jamiah & Noremy, 2016). Oleh itu, keluarga memainkan peranan yang penting dalam menyokong potensi mereka untuk hidup dalam masyarakat (Kulagina, 2003). Sokongan yang diberikan sejak awal ini akan dapat membentuk anak kurang upaya yang mempunyai imej sendiri positif, yang berdaya usaha dan cemerlang dalam kehidupan mereka (Shahrul Arba'iah, 2007).

Selain keluarga dan ibu bapa, menurut Siti Muhibah et.al. (2011), kemenjadian murid mempunyai hubungan yang signifikan dengan peranan guru memainkan peranan utama mendidik murid di sekolah. Di Malaysia, hari ini sebahagian besar masa murid dihabiskan di sekolah termasuklah murid berkeperluan khas (MBK). Kajian yang dijalankan oleh Ab Halim, Kamarulzaman dan Rosli (2012) menunjukkan pengaruh guru sangat besar dalam membentuk akhlak murid-murid. Zetty Nurzuliana et.al. (2015) juga menyatakan pembentukan sahsiah murid dalam memastikan proses 'kemenjadian murid' menjadi satu realiti bergantung kepada keupayaan guru melaksanakan tugas sebagai guru 'sejati' di sekolah. Ini bermakna guru turut berperanan mencungkil bakat murid, khususnya murid ketidakupayaan penglihatan dan berusaha untuk membentuk gaya pembelajaran murid melalui amalan pengajaran yang sesuai dengan kekuatan dan kelainan upaya murid. Kemenjadian murid

ketidakupayaan penglihatan, khususnya dalam pembelajaran hafazan al-Qur'an perlu diberi perhatian oleh guru bagi melahirkan seorang hafiz ketidakupayaan penglihatan yang berkualiti.

Proses melahirkan pelajar yang berkualiti memerlukan persediaan yang rapi daripada guru. Menurut Agnieszka dan Karwowski (2017), apabila seseorang hilang deria penglihatan, maka ia akan menyebabkan fungsi kognitif dan deria lain akan meningkat dan proses ini dikenali sebagai *sensory compensation*. Dalam konteks profesion keguruan pendidikan khas, persediaan guru perlu dimulakan daripada pembentukan sikap guru terhadap Murid Berkeperluan Khas (MBK) lagi. Christine, Juliet & McLinden (1997) menyatakan bahawa penerimaan sikap guru tadika sehingga gred enam terhadap MBK dalam kelas mendapati bahawa kriteria guru yang rela menerima MBK dalam kelas mereka adalah guru yang pernah menerima kursus Pendidikan Khas, guru yang yakin dengan kebolehan untuk mendidik MBK, guru yang percaya bahawa MBK mampu menjadi ahli masyarakat berguna, dan guru yang percaya bahawa sekolah aliran biasa patut mendidik MBK. Oleh sebab itu, guru yang mengajar MBK perlu diberi pendedahan dan pendekatan pengajaran yang bersesuaian dengan keadaan ketidakupayaan murid yang diajar. Ini perlu dilakukan bagi menyediakan guru yang mampu melahirkan MBK yang berkualiti.

IKP bukan sahaja memerlukan kemudahan-kemudahan yang spesifik untuk mereka namun mereka turut memerlukan khidmat sokongan untuk meneruskan pembelajaran mereka di IPT. Contohnya, pelajar buta memerlukan peralatan sokongan khas seperti komputer dan *software* mesra individu ketidakupayaan penglihatan terutamanya di perpustakaan bagi memudahkan mereka belajar (Noornajihan & Nur Atiqah, 2019). Mereka juga memerlukan bahan bantuan bacaan berbentuk *Braille* (Mohd Hanafi et.al, 2013). Selain daripada itu, rakan sebaya juga adalah individu yang boleh membantu individu ketidakupayaan penglihatan dari aspek fizikal. Rakan sebaya berfungsi untuk membantu dalam memberi sokongan dan juga membantu sekiranya ada masalah dalam aspek mental dan emosi (Nur Azuki & Yohan, 2013).

Keyakinan yang ada kepada IKP adalah kerana mendapat sokongan dan juga persekitaran sosial yang sangat memberangsangkan (Huurre, 2010). Keyakinan diri dalam kalangan individu kurang upaya terutamanya ketidakupayaan penglihatan boleh dipupuk dari mereka kecil lagi. Peranan ini harus dilakukan oleh ahli keluarga, rakan-rakan dan juga masyarakat sekeliling. Menurut Lakshmi & Anuradha (2014), sokongan dari keluarga dan juga rakan yang memahami akan mempengaruhi keyakinan diri pelajar kurang upaya untuk berjaya.

### **OBJEKTIF KAJIAN**

i. Objektif kajian ini adalah untuk meneroka faktor yang menyebabkan individu ketidakupayaan penglihatan berjaya menghafaz al-Qur'an.

### **PERSOALAN KAJIAN**

i. Apakah faktor yang menyebabkan individu ketidakupayaan penglihatan berjaya menghafaz al-Qur'an?

### **METODOLOGI**

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif kaedah kajian kes, jenis kes tunggal. Kaedah persampelan bertujuan telah digunakan untuk memilih peserta kajian yang melibatkan tiga orang individu ketidakupayaan penglihatan. Peserta kajian adalah lepasan diploma dari pusat pengajian tahfiz yang diiktiraf di Malaysia dan telah berjaya menamatkan keseluruhan hafazan al-Quran sebanyak 30 juzuk. Peserta kajian adalah terdiri daripada IKP sejak lahir. Ini menjadi kriteria pilihan pengkaji bagi melihat faktor kejayaan dan juga cabaran yang dihadapi oleh peserta kajian. Kajian ini menggunakan temu bual separa struktur sebagai kaedah pengumpulan data utama. Proses temu bual secara terus dilakukan sebanyak beberapa kali dengan peserta kajian bagi memastikan pengumpulan data mencapai objektif yang dikehendaki. Pengkaji menggunakan tiga proses validasi untuk memastikan kesahan data

iaitu kaedah pengesahan dan penelitian peserta kajian, kaedah triangulasi pelbagai sumber dan kaedah penyemakan pakar bagi mendapatkan nilai persetujuan *Cohen Kappa*. Nilai purata keseluruhan persetujuan bagi *Koefisien Kappa* adalah  $k=0.81$ . Nilai  $k=0.81$  yang diperoleh ini berada pada tahap skala baik sebagaimana yang telah dicadangkan oleh Cohen (1960),

## DAPATAN KAJIAN

Menghafaz al-Quran sebanyak 30 juzuk diakui adalah satu perkara yang sukar. Walau bagaimanapun ada individu yang berjaya menghafaz keseluruhan al-Quran termasuk individu ketidakupayaan penglihatan. Kajian ini cuba meneroka faktor-faktor yang menyebabkan kejayaan IKP menghafaz al-Quran. Pengkaji mendapati wujudnya tiga faktor utama yang menyumbang kepada kejayaan tersebut iaitu (1) diri sendiri, (2) ibu bapa dan (3) persekitaran.

### **Pertama: Diri sendiri**

Kajian ini mendapati faktor kejayaan yang datang daripada diri sendiri adalah paling banyak membantu kejayaan individu ketidakupayaan penglihatan menghafaz al-Quran. Antara subtema faktor kejayaan dari diri sendiri ini adalah (1) minat, (2) amalan, (3) adab dan (4) pengulangan. Semua subtema ini merupakan indikator-indikator yang membantu kejayaan individu ketidakupayaan penglihatan dalam menghafaz al-Quran.

Peserta kajian menjelaskan bahawa faktor utama mereka menghafaz al-Quran adalah kerana minat yang mendalam serta niat untuk mendekati diri dengan al-Quran. Kebanyakannya adalah berfikiran positif dan mempunyai sikap tidak mudah berputus asa untuk mencapai kejayaan menghafaz al-Quran. Kajian ini mendapati minat sangat penting dipupuk sejak kecil lagi dalam diri individu ketidakupayaan penglihatan agar mereka berminat untuk menghafaz al-Quran. Minat yang timbul dalam diri telah menjadi satu motivasi dan kesungguhan untuk mereka menamatkan hafazan al-Quran dengan jaya. Sebagai contohnya, ini dapat dilihat dalam beberapa temu bual berikut:

*“...Pada masa kecil lagi saya telah berminat untuk menghafaz al-Quran...” PK3:28*

*“...Faktor utama saya menghafaz ialah minat menghafaz itu sendiri...” PK2:104*

*“...Apabila semenjak kecil lagi, saya telah didedahkan dengan al-Quran di sekolah dan sebagainya, membolehkan saya lebih tertarik dalam bidang ini serta berminat untuk menghafaznya... PK3:197*

Kedua: Ibu bapa yang menyokong dan membantu anak-anak ketidakupayaan penglihatan.

Dapatan menunjukkan terdapat banyak pandangan yang mengaitkan peranan ibu bapa dalam kejayaan anak-anak dalam hidup. Antara peranan yang dilakukan adalah memberikan sokongan moral dan emosi yang bertepatan dengan keadaan dan situasi anak mereka. Sebagai contohnya:

*“...selalu call waktu saya kat asrama, selalu ajak saya berbual, cerita masalah saya. daripada situ saya tahu saya tak keseorangan...” PK1:139.*

*“...mereka sentiasa memberikan nasihat, dorongan dan bimbingan sepanjang saya menghafaz al-Quran ... dan selalu memberikan motivasi yang berterusan kepada saya ....” PK3:354.*

Di samping itu, ibu bapa juga memberikan sokongan moral dengan memberikan pandangan yang cukup membantu dalam membuat pilihan meneruskan hafazan al-Qur'an sebagaimana berikut:

*“ Saya pernah ditawarkan untuk menyambung pengajian saya di Asasi UIAM dalam bidang Sains Kemanusiaan. Namun ketika itu saya sudah belajar di Darul Quran dan telah menghafaz 6 juzuk al-quran. Perasaan saya berbelah bahagi. Akhirnya ibu saya menyuruh saya menyambung dalam bidang*

*hafazan al-Quran. Saya telah melaksanakan kata-kata ibu itu sehingga berjaya menamatkan hafazan al-Quran ” PK3:155.*

Kajian mendapati sokongan moral yang diberikan oleh ibu bapa IKP dalam menghafaz al-Qura'an ialah sering berbual dan mendengar masalah anak, sentiasa memberi nasihat dan bimbingan, serta memberikan pandangan yang tepat dan sesuai untuk anak-anak mereka merupakan faktor penyokong kejayaan IKP menghafaz al-Qura'an.

Ketiga: Persekitaran yang kondusif dan guru-guru yang merangsang semangat untuk menghafaz.

Kajian ini mendapati IKP berada dalam persekitaran yang kondusif semasa proses hafazan berlangsung. Ini membantu mereka mendapat kejayaan dalam proses menghafaz al-Qur'an. Sebagai contohnya:

*“ Aspek persekitaran yang membantu saya menghafaz al-Quran ialah tempat yang selesa untuk menghafaz dan tiada yang mengganggu tumpuan saya sewaktu menghafaz seperti persekitaran yang terlalu bising...” PK2: 895*

*“...kebiasaannya saya memerlukan suasana persekitaran yang sunyi dan tenang tanpa gangguan orang lain. Saya juga biasanya menghafaz al-Quran dalam bilik sendiri bermakna di asrama saya. Hal ini kerana memudahkan saya dan adalah sesuai kerana tidak ada gangguan daripada orang lain...” PK3: 901*

Kajian ini juga mendapati guru menjadi faktor penting IKP berjaya menghafaz al-Qur'an. Guru didapati sentiasa memberikan bimbingan yang berterusan kepada pelajar. Sebagai contohnya, temu bual berikut:

*“...guru saya juga menekankan pentingnya kita menyemak hafazan kita dengan rakan sebelum membaca di hadapannya” PK3:167*

*“...Antara sumbangan yang mereka berikan ialah berkongsi tips hafazan di samping membantu saya untuk menyemak hafazan...” PK2: 182*

*“...guru yang komited dan memahami keperluan OKU. Mengadakan kelas intensif menghafal terlebih dahulu sebelum pelajar OKU diterima masuk sebagai pelajar diploma” PK1: 366*

Sebagai kesimpulannya, suasana kondusif yang disediakan oleh institusi pengajian sama ada dari aspek tempat penginapan dan kelas yang selesa, membantu IKP berjaya dalam hafazan al-Qur'an di samping guru yang tidak lokek untuk berkongsi dan membimbing pelajar ketidakupayaan penglihatan. Semua peserta kajian menyatakan bahawa guru sentiasa membimbing dan memberikan panduan berterusan, guru juga sangat memahami keperluan individu ketidakupayaan penglihatan sebagai pelajar mereka yang menghafaz al-Quran. Tiga faktor utama yang paling banyak menyumbang kepada kejayaan menghafaz al-Quran IKP iaitu (1) faktor diri sendiri yang berfikiran positif, (2) faktor ibu bapa yang sentiasa memberikan sokongan, dan (3) faktor persekitaran yang baik dan sangat menyokong.

## PERBINCANGAN

### **Pertama: Sikap dan pemikiran positif individu ketidakupayaan penglihatan.**

Dapatan kajian jelas menunjukkan kesemua peserta kajian mempunyai satu persepsi dan pegangan yang positif sehingga mereka berjaya menghafaz 30 juzuk al-Quran. Kebanyakan peserta kajian mempunyai minat yang mendalam terhadap hafazan al-Quran. Mereka juga mempunyai keazaman yang tinggi dan

usaha yang berterusan untuk menghafaz al-Quran. Tidak mudah patah semangat, walaupun mempunyai pelbagai kekangan berbanding individu tipikal. Sikap tidak mudah mengalah dan cecal menghadapi cabaran dilihat wujud dalam diri setiap penghafaz al-Quran ketidakupayaan penglihatan ini.

Kajian-kajian menunjukkan bahawa imej sendiri yang positif daripada individu sendiri adalah antara punca kejayaan dicapai (Luckner & Velaski 2004). Dapatan kajian ini menunjukkan memang benar individu ketidakupayaan yang mempunyai imej sendiri positif, mempunyai motivasi instrinsik yang teguh mampu terus bersaing dengan individu lain walaupun tipikal. Mereka mempunyai motivasi yang teguh untuk bersaing dengan orang lain. Mereka tidak mudah patah semangat, tetap berusaha memotivasikan diri sendiri dan berjaya menamatkan hafazan 30 juzuk al-Quran kerana mampu menyokong diri sendiri. Pembinaan imej sendiri dan pemikiran yang positif ini perlu dibina bermula sejak kanak-kanak lagi, kerana proses ini akan berterusan menjadi sebatian dalam diri kanak-kanak tersebut sehingga dewasa. Kanak-kanak ketidakupayaan perlu diajar agar jangan mudah mengalah, dan tiada sesuatu yang mustahil untuk berjaya dalam hidup, cuma memerlukan kepada kesungguhan dan usaha yang berterusan. Melalui kemahiran sokongan sendiri yang positif ini, individu kurang upaya dapat belajar melibatkan diri secara aktif untuk mengenal pasti dan memenuhi keperluan pendidikan, sosial, emosi, dan matlamat kerjaya mereka.

Sikap adalah sebahagian daripada personaliti individu itu sendiri, tetapi personaliti ini juga akan dipengaruhi oleh sikap dan tingkah laku kumpulan atau beberapa kumpulan yang ada hubungan dengannya, yang seterusnya akan membentuk sikap seseorang individu. Sikap boleh memberi pengaruh yang kuat dan penting kepada seseorang individu, juga bertindak sebagai sebab dan juga akibat kepada setiap tingkah laku yang boleh membawa kejayaan kepada pelakunya (Rashidah, Sharifah Nor & Parilah, 2010). Kajian ini melihat sikap IKP yang mengamalkan pengharapan dan doa kepada Allah s.w.t. antara faktor yang memberi kekuatan kepada mereka. Sikap kebergantungan kepada Allah akan membantu semua insan, walau dalam apa jua keadaan sekalipun.

#### **Kedua: Ibu bapa yang menyokong dan membantu anak-anak ketidakupayaan penglihatan.**

Secara dasarnya, sokongan dan bantuan untuk kanak-kanak kurang upaya di Malaysia dan keluarga mereka adalah agak kurang diperolehi (Aizan Sofia et. al., 2016). Kajian ini mendapati ibu bapa memainkan peranan utama sebagai faktor yang menyumbang kepada kejayaan IKP menghafaz al-Quran. Kebanyakan ibu bapa kepada peserta kajian sangat mengambil berat terhadap anak mereka, sanggup bersusah payah untuk memberikan bantuan dan sebagainya kepada anak yang menghafaz al-Quran. Pengorbanan dan kesungguhan yang ditunjukkan telah membakar semangat dan motivasi peserta kajian untuk menamatkan hafazan sehingga jayanya. Ada ibu bapa yang sanggup berulang-alik walaupun jarak institusi pengajian dengan rumah adalah jauh, tetapi ibu bapa sanggup hadir apabila diperlukan dan juga mengambil berat keadaan peserta kajian sepanjang di institusi pengajian masing-masing. Selain daripada itu, ibu bapa juga didapati sentiasa memberikan nasihat dan motivasi untuk menaikkan semangat peserta kajian untuk menghafaz. Ibu bapa sangat menjaga aspek pemakanan peserta kajian, bagi memastikan membantu proses hafazan mereka. Faktor ibu bapa yang sangat positif dan sentiasa membantu dilihat menjadi faktor utama dalam kejayaan mereka menghafaz al-Quran.

Sokongan psikologi untuk ahli keluarga yang mempunyai anak kurang upaya harus diberi perhatian sama ada mereka yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam tugas penjagaan individu ketidakupayaan penglihatan seperti ibu bapa, adik beradik dan ahli keluarga yang lain bagi memastikan emosi dan perasaan mereka ini dapat dibantu agar sentiasa positif. Apabila ahli keluarga positif, maka akan menjadi pemangkin kepada kejayaan individu ketidakupayaan penglihatan yang ada dalam keluarga. Hal ini boleh dilakukan melalui sokongan khidmat psikologi dan kaunseling yang boleh disampaikan oleh pelbagai pihak seperti pegawai psikologi dan kaunselor yang bertugas dengan agensi kebajikan negara, institusi pendidikan dan NGO seperti JKM, Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara, sekolah, universiti dan pelbagai pertubuhan OKU atau kebajikan yang lain. Selain daripada itu, komunikasi secara lebih terbuka juga boleh dilaksanakan dalam keluarga untuk memberi kefahaman yang lebih jelas kepada semua ahli keluarga mengapa anak kurang upaya perlu diberi sokongan dan perhatian yang lebih. Perkara ini amat penting untuk memupuk kefahaman dalam



kalangan ahli keluarga yang lain bagi membantu anak kurang upaya yang ada dan juga dapat mengurangkan konflik antara ahli keluarga (Cuzzocrea, Larcen & Costa 2014).

**Ketiga: Persekitaran yang kondusif dan merangsang semangat untuk menghafaz.**

Individu ketidakupayaan penglihatan bergantung sepenuhnya kepada orang di sekeliling. Perkara ini menjadi salah satu faktor yang membolehkan mereka melaksanakan segala urusan harian dan pembelajaran dengan lebih sempurna (Nurul Asmak Liyana, 2017), tetapi keprihatinan, sokongan dan kesedaran masyarakat hari ini terhadap golongan ini masih agak rendah. Ini berpunca daripada kelemahan atau kekurangan yang terdapat pada golongan ini dan menyebabkan mereka dipandang sebagai golongan yang lemah, selain daripada kurangnya kesedaran dalam kalangan masyarakat untuk mereka menjadi sebagai pembantu kepada golongan ini.

Walau bagaimanapun, kajian ini mengubah persepsi dan situasi masyarakat yang ada. Pengkaji mendapati guru-guru sangat memahami situasi dan kekangan individu ketidakupayaan penglihatan ini menghafaz al-Quran. Guru didapati tidak membebankan mereka dengan tugas yang banyak, memandangkan mereka mempunyai kekangan untuk menyiapkan tugas lebih cepat daripada pelajar tipikal. Guru juga memberikan masa yang lebih panjang dan fleksibel kepada mereka untuk menghafaz, ini menjadikan mereka dapat memberikan fokus yang lebih untuk hafazan kerana waktu yang mereka perlukan lebih banyak daripada individu tipikal. Motivasi dan kata-kata semangat daripada guru yang sentiasa positif dan bersemangat kepada peserta kajian sehingga menyebabkan mereka bersemangat untuk menghafaz al-Quran dan tidak mudah berputus asa.

Untuk menjadi seorang guru tahfiz yang cemerlang, seseorang perlu mempunyai kemahiran dalam dua bidang, iaitu bidang pedagogi dan juga isi kandungan. Kemahiran dalam bidang pedagogi bermaksud seorang guru perlu mengetahui tentang teknik, strategi dan kaedah pengajaran dilakukan. Perkara ini melibatkan banyak perkara seperti persediaan sebelum mengajar, permulaan mengajar, cara memastikan objektif pengajaran tercapai, cara berkomunikasi dengan pelajar secara berkesan, penggunaan BBM, pengurusan kelas dan sebagainya. Lebih-lebih lagi, jika guru mengajar pelajar ketidakupayaan penglihatan. Guru perlu mengenali kekangan yang ada, dan bagaimana untuk melakukan modifikasi semasa proses pengajaran berlangsung (Abd. Rahman, 2016).

Manakala kemahiran dalam bidang isi kandungan pula, bermaksud seorang guru tahfiz perlu menguasai isi kandungan mata pelajaran yang berkaitan dengan al-Quran. Kemahiran ini wajib dimiliki oleh guru yang mengajar mata pelajaran hafazan, kerana tanpa kemahiran tersebut bagaimana ilmu tersebut dapat dipindahkan kepada pelajar. Seorang guru tahfiz perlu lancar membaca al-Quran serta dapat membaca dengan tajwid yang betul, di samping dapat menguasai teori ilmu tajwid dengan baik. Dalam keadaan mengajar pelajar ketidakupayaan penglihatan, guru perlu dapat memindahkan ilmu tersebut kepada pelajar dalam keadaan yang mampu diterima oleh pelajar. Guru perlu tahu kaedah yang sesuai digunakan untuk menyampaikan ilmu kepada pelajar dan dapat diterima oleh pelajar. Guru juga perlu mahir alat komunikasi yang membolehkan pelajar ketidakupayaan memperoleh sesuatu ilmu, contohnya braille al-Quran. Apabila guru menguasai perkara-perkara berkaitan kekangan yang dihadapi oleh pelajar ketidakupayaan penglihatan, barulah guru mampu membimbing dan melonjakkan kecemerlangan mereka ke peringkat yang lebih tinggi dan berjaya melahirkan lebih ramai hafiz ketidakupayaan penglihatan yang cemerlang dan berkualiti. Guru yang terlatih di institusi tahfiz menjadi faktor penyumbang kepada kejayaan individu ketidakupayaan penglihatan menghafaz al-Quran. Justeru, masyarakat perlu mengupayakan guru-guru tahfiz yang terlatih untuk mengajar lebih ramai lagi hafiz ketidakupayaan penglihatan di negara kita.

Menurut Hasnah (t.th), golongan ketidakupayaan penglihatan ini banyak bergantung kepada orang sekeliling dalam mendapatkan sesuatu maklumat dan menjalani kehidupan harian mereka. Kajiannya menjelaskan bahawa golongan ini memerlukan kepada bantuan orang lain untuk membantu mereka membaca buku atau artikel yang mereka perlukan kerana kebanyakan bahan bacaan yang terdapat pada hari ini tidak dibraillekan. Ini membuktikan bahawa mereka memerlukan sokongan daripada masyarakat sekeliling. Dapatan kajian memperlihatkan bahawa suasana persekitaran sangat membantu dan memberikan sokongan untuk individu ketidakupayaan menghafaz al-Quran. Perkara ini

sangat diperlukan oleh mereka, dengan sebab kekangan penglihatan yang ada. Persekitaran dan guru yang baik menjadi penyokong yang baik untuk individu ketidakupayaan penglihatan menghafaz al-Quran. Perkara seperti inilah yang perlu dibentuk, iaitu membina generasi yang saling menghormati dan bantu membantu, terutamanya dalam kalangan rakan yang mempunyai ketidakupayaan pelbagai. Apabila elok masyarakat, maka akan terbentuklah negara yang sejahtera dan masyarakat yang harmoni dan berilmu. Justeru, masyarakat perlu diberi kesedaran dan didedahkan berkenaan dengan keperluan dan isu-isu yang berkaitan dengan individu kurang upaya, khususnya dalam perkara bacaan dan hafazan al-Quran agar golongan ini tidak lagi dianggap lemah dan dapat membantu mereka dalam melaksanakan tuntutan yang disyariatkan dengan lebih sempurna.

### KESIMPULAN

Kajian ini telah berjaya meneroka faktor-faktor yang membantu kejayaan individu ketidakupayaan penglihatan menghafaz al-Quran. Faktor-faktor kejayaan dapat dilihat daripada tiga aspek utama, iaitu; sikap dan pemikiran positif daripada IKP sendiri; ibu bapa yang menyokong dan membantu anak-anak ketidakupayaan penglihatan; dan persekitaran yang kondusif serta merangsang semangat untuk menghafaz. Faktor kejayaan ini menjadi satu perkara yang perlu diberi perhatian oleh semua pihak dalam meningkatkan kualiti dan juga kuantiti IKP yang berjaya menghafaz al-Quran. Implikasi kajian ini menunjukkan terdapat keperluan untuk menyediakan satu pelan kecemerlangan hafazan untuk IKP. Cadangan pelan kecemerlangan tersebut ialah pelan kecemerlangan diri IKP, pelan kecemerlangan ibu bapa IKP, pelan kecemerlangan guru hafazan IKP, pelan kecemerlangan persekitaran hafazan IKP, dan pelan kecemerlangan penyediaan khidmat sokongan untuk menghafaz al-Qur'an kepada IKP. Justeru, usaha memperkasa faktor-faktor kejayaan ini perlu dipertingkatkan terlebih dahulu agar minat dan kehendak IKP untuk menghafaz al-Quran dapat disuburkan dan menjadi matlamat utama untuk dicapai. Ini kerana golongan huffaz adalah aset yang cukup besar untuk dimanfaatkan bagi menjalankan kegiatan dakwah kepada masyarakat, khususnya dalam kalangan individu ketidakupayaan penglihatan.

### RUJUKAN

- Ab Halim Tamuri, Kamarulzaman Abdul Ghani & Rosli Mokhtar. (2012). Penilaian pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran kurikulum Pendidikan Islam Bahagian Pendidikan Islam (JAIS) di sekolah-sekolah rendah agama negeri Selangor. *Jurnal Penyelidikan Pendidikan dan Pengajian Islam, Bil. 1. Februari 2012*.
- Abd. Rahman, A. G. (2016, November 22-24). Pembangunan Sistem Pendidikan Guru Tahfiz di Malaysia ke arah melahirkan Tenaga Kerja Terlatih. *Memperkasa Generasi Penghafaz al-Quran*, ms. 5-9.
- Abdul Hakim Abdullah, Ab. Aziz Sulaiman, Wan Ismail Wan Abdullah. (2015). Faktor-faktor yang mempengaruhi motivasi pembelajaran Bahasa Arab, Bil 10. *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari*, 104-121.
- Agnieszka Sorokowska & Maciej Karwowski. (2017). No Sensory Compensation for Olfactory Memory: Differences between Blind and Sighted People. *Journal Frontier in Psychology*, 8, 21-27.
- Aizan Sofia Amin, Jamiah Manap & Noremy Md. Akhir. (2016). Peranan Keluarga dalam Kehidupan Kanak-Kanak Kurang Upaya Malaysia. *Akademika* 86(1), 21-30.
- Anis Syahirah Fauzan & Sabri Mohamad. (2017). Kesan Hafazan al-Quran dan Hubungannya dengan Pencapaian Akademik Pelajar. *Jurnal al-Turath*; 2(2),54-59.

- Azmil Hashim, Misnan Jemali, Ab. Halim Tamuri, Mohd Aderi. (2014). Hubungan antara adab-adab pembelajaran Tahfiz dan pencapaian hafazan pelajar. *The Online Journal of Islamic Education*, 2(2), 73-82.
- Bowlby, J. (1969). *Attachment and Loss*. Basic Books.
- Christine Arter, Juliet Stone & Mike McLinden. (1997). The Pre-school Child. In H. M. Mc. Call, *Visual impairment access to education for children and young people* (pp. 87-96). London: David Fulton Publishers.
- Dursin, A. G. (2012). Information Design And Education For Visual Impaired And Blind People. *Procedia Social And Behavioral Sciences: 46*, 5568-5572. From [www.sciencedirect.com](http://www.sciencedirect.com) : Doi:10.1016/j.sbspro.2012.06.477.
- Emmanuel Basse, Caroline Ellison & Ruth Walker. (2018). Social capital, social relationships and adults with acquired visual impairment: a Nigerian perspective. *Taylor Francis Online*.
- Frederickson, N. & Cline, T. (2009). *Special education needs, inclusion and diversity: A textbook*. Edisi ke-2. Open University Press.
- Gargiulo, R. M. (2008). *Special Education In Contemporary Society. An Introduction to Exceptionally* (3rd eds.). SAGE: Publications, Ins.
- Hajarul Bahti, Z. (2016). *Amalan Pembelajaran Murid dan Penguasaan Tilawah al-Qur'an dalam kalangan Murid Masalah Penglihatan di Sekolah Menengah*. Tesis PhD Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Huurre, T. M. (2010). Psychosocial development among adolescents with visual impairment. *European Child & Adolescent Psychiatry*, 7(2), 73-78.
- Ismail Masyuri al-Hafiz. (1993). *Fadhilat membaca dan menghafal al-Quran serta panduan menghafalnya*. Syarikat Nurul Has.
- Kulagina, E. (2003). The social and economic situation of families with handicapped children. *Russian Education and Society* 45(11), 43-61.
- Lakshmi N. & Anuradha . (2014). Self-esteem among physically disabled and visual disabled late adolescents. *International Journal of Technical Research and Application*, 31-39.
- Luckner, J.L. & Velaski, A. (2004). Healthy families of children who are deaf. *American Annals of the Deaf* 149 (4), 324-335.
- Melvin Anak Maxwell, Shahlan Surat. (2020). Pengaruh Latar Belakang Keluarga Dan Pencapaian Akademik Pelajar Di SMK Bau. *Jurnal Dunia Pendidikan*, . 2(1), 227-233.
- Mohd Fazli Hasan, Suhaida Abdul Kadir & Soaib Asimiran. (2013). Hubungan persekitaran sekolah dengan penglibatan pelajar dalam aktiviti kokurikulum di Sekolah Menengah. *Jurnal Pendidikan Malaysia*, 38 (2), 1-9.
- Mohd Fazri Ahmad Murad. (1999). *Metode-metode penghafalan al-Quran: Kajian khusus di Maahad Tahfiz al-Quran wal Qiraat Negeri Sembilan, Maahad Ahmadi, Gemencheh, Negeri Sembilan*. Kuala Lumpur: Tidak diterbitkan, Tesis Ijazah Sarjana Muda, Universiti Malaya.

- Mohd Hanafi Mohd Yasin, Hasnah Toran, Mohd Mokhtar Tahar, Safani Bari, Siti Nur Nadirah Ibrahim & Rozniza Zaharudin. (2013). Bilik Darjah Pendidikan Khas Pada Masa Kini Dan Kekangannya Terhadap Proses Pengajaran. *Asia Pacific Journal of Educators and Education*, 28, 1-9.
- Noornajihan Jaafar & Nur Atiqah Abdul Aziz. (2019). Faktor Penguasaan Pembelajaran Al-Quran Orang Kelainan Upaya Masalah Penglihatan: Kajian di Sekolah Kebangsaan Pendidikan Khas (SKPK) Alma, Pulau Pinang. *Tinta Artikulasi Membina Ummah*, 4(2), 12-23.
- Norhasni Zainal Abiddin, Azahari Ismail, Andi Suwirta. (2015). Faktor-faktor yang membantu dan menghalang pembelajaran orang dewasa: Implikasi kepada pembangunan sumber manusia. *Jurnal Atikan*, 5 (1), 23-32.
- Norlizah Che Hassan, Fathiyah Mohd Fakhruddin, Ahmad Fauzi Mohd Ayub, Lukman A bd Mutalib & Wan Marzuki Wan Jaafar. (2017). Minat Murid Yang Mengikuti Aliran Tahfiz Dan Bentuk Sokongan Yang Diterima . *Journal of Humanities, Language, Culture and Business (HLCB)*, 1 (2), 67-78.
- Norshidah Mohamad Salleh, Manisah Mohd Ali & Khalim Bin Zainal. (2018). Kemahiran Tingkah Laku Sosial Peringkat Asas dalam Kalangan Murid Berkeperluan Pendidikan Khas Ketidakupayaan Penglihatan. *Jurnal Pendidikan Malaysia* 43(1), 41-49.
- Nur Azuki Yusof & Yohan Kurniawan. (2013). Penerimaan orang kelainan upaya (OKU): Kajian menurut prespektif remaja 1 Malaysia. *Seminar Sains Kemanusiaan OKU Peringkat Kebangsaan*.
- Nur Khairul Nisha Roslan & Haris Abd. Wahab. (2017). Pencapaian Akademik Pelajar Kurang Upaya Penglihatan yang mengikuti Program Pendidikan Khas. *The Malaysian Journal of Social Administration*, 9(1), 45-64.
- Nurul Asmak Liyana Bakar. (2017). Cabaran bagi golongan OKU Penglihatan dalam melaksanakan ibadah solat . *Jurnal Al-Hikmah* 9(2) , 3-15.
- Rashidah Rahamat, Sharifah Nor Puteh & Parilah Mohd. (2010). Reading levels and attitudes towards reading among Malaysian secondary school students of Esl. *International Journal of Learner Diversity*, 2 (1), 45-58.
- Roslinda Alias, Nor Aziah Alias, Abu Bakar Ibrahim, Halimaton Attan, & Azman L Kadir. (2013). What do the disable students need? A study on the need of the special educations needs (SEN) learners in Malaysian public Universities. *The European Journal of Social & Behavioral Sciences*., 602-623.
- Shaffer, D. R. (2002). *Developmental Psychology: Childhood and Adolescence*. Belmont CA: Wadsworth/Thomson Learning.
- Shahrul Arba'iah, O. (2007). *Faktor yang menyumbang kepada kecemerlangan akademik pelajar pekak:Kajian kes retrospektif*. Tesis PhD Fakulti Pendidikan Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Siti Muhibah Hj. Nor, Safani Bari & Ab. Halim Tamuri. (2011). Pelaksanaan Pendidikan Akhlak Murid Islam Bermasalah Pendengaran . In S. B. Siti Muhibah Hj. Nor, *Transformasi dan Inovasi dalam Pendidikan*. Universiti Kebangsaan Malaysia.

- Siti Nor Azimah Sabaruddin, Tengku Intan Zarina Tengku Puji, Mohd Ridhuan Remly, Zulkifli Mohd Yusof, Shafiza Safie. (2016, November 22-24). Cabaran Pengajian Golongan Hafiz al-Quran di kalangan Orang Kurang Upaya Penglihatan di Malaysia. *Memperkasa Generasi Penghafaz al-Quran*, ms. 183-193.
- Stacy. M, Kelly, Paul. M & Karen. E, Wolffle . (2015). The Recreation and Leisure Pursuits of Employed Adults with Visual Impairments in Nigeria: Part 1. *Journal of Visual Impairment*, 19-30.
- Sumyea Helal, Jiuyong Li, Lin Liu, Esmaeil Ebrahimie, Shane Dawson & Duncan J. Murray. (2019). Identifying key factors of student academic performance by subgroup discovery. *International Journal of Data Science and Analytics*, 7, 227–245.
- Wei Wei, Yan Li Hong, Ying Su. (2020). Predicting the growth patterns in early mathematics achievement from cognitive and environmental factors among Chinese kindergarten children. *Learning and Individual Differences*, 79..
- Zetty Nurzuliana Rashed, Mariam Abd.Majid, Sahlawati Abu Bakar, Suriani Sudi, Wan Ramizah Hasan, Muhammad Yusuf Marlon B.Abdullah. (2015). Amalan Pengajaran Guru Tilawah al-Quran: Kajian Kes Di Maahad Tahfiz Sains Negeri Selangor. *Jurnal Tinta Artikulasi Membina Ummah*, 1 (1), 77.